



St Leonard's College

Visi dan Nilai Kami

Visi kami ialah membekalkan semua pelajar dengan pendidikan untuk seumur hidup. Kami memupuk perwatakan peribadi yang perlu bagi pembelajaran sepanjang hayat.

Misi Kami

Dengan guru-guru yang penyayang dan memberi semangat, serta persekitaran sekolah campuran yang selamat dari segi fizikal, emosi dan rohani, St Leonard's College membekalkan pelajarinya pendidikan inovatif yang menjadi teladan, diperkaya dengan tradisi warisannya.

Nilai-Nilai Kami

Pembelajaran sepanjang hayat

Kami menghargai dan membangunkan perwatakan peribadi dan kemahiran untuk pembelajaran sepanjang hayat, termasuk keyakinan diri, integriti, daya tahan dan daya kreatif. Pendidikan St Leonard's mempersiapkan pelajar untuk berperanan di dunia dan mencurahkan jasa kepada masyarakat.

Warga

Warga muda kami digalakkan supaya menyambut keragaman dan keperibadian manusia serta tanggungjawab bersama.

Perkongsian

Kami menganggap pendidikan sebagai perkongsian antara pelajar, guru dan ibu bapa, masing-masing dengan peranan dan tanggungjawab yang berlainan.

Guru

Guru-guru kami bertekad untuk meneruskan pembangunan peribadi dan profesional mereka serta menyambut inovasi pendidikan. Mereka bersiap sedia sepenuhnya untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pesat dalam bidang ini.

Komuniti

Pelajar menyedari keperluan masyarakat umum dan belajar melibatkan diri dalam dunia di luar komuniti Kolej.

Persekitaran

Kami bertekad untuk melindungi alam sekitar serta menangani pelbagai cabaran yang bakal dihadapi generasi akan datang.

Keragaman

Kami mengalu-alukan semua budaya dan meraikan keragaman. Pelajar kami digalakkan supaya bergaul dengan segala bangsa dan budaya di luar dunia mereka yang terdekat.

Our Vision and Values - MAL